

## **BAB 4 : KEGIATAN SOSIAL KONGSI GELAP**

Perkembangan ekonomi yang pesat telah membawa kepada pertambahan dalam permintaan buruh untuk menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi di Sungai Ujong. Kedatangan buruh lelaki secara beramai-ramai juga telah membawa kepada perkembangan aktiviti pelacuran. Oleh kerana kedua-dua aktiviti ini merupakan aktiviti sosiol-ekonomi yang menguntungkan, maka ia telah menyaksikan penglibatan kongsi gelap dalam aktiviti pelacuran dan pengambilan buruh dari China. Ketua Cina juga telah mendirikan tempat ibadat dan persatuan yang membolehkan masyarakat Cina menjalankan aktiviti-aktiviti sosial mereka . Dengan ini, kongsi gelap telah berjaya meluaskan kuasa dan pengaruh mereka dalam kehidupan sosial masyarakat Cina. Ini tidak menghairankan kerana kebiasaan ketua kongsi gelap juga adalah ketua masyarakat Cina.

### **Perlindungan kepada buruh Cina**

Sebelum bincang buruh Cina di Sungai Ujong , elok tahu secara ringkas kehidupan buruh Cina di Tanah Melayu khasnya di Sungai Ujong. Kongsi gelap telah memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan buruh-buruh yang dibawa ke Tanah Melayu. Peranan ini dijalankan sama ada di Negeri-negeri Selat atau Negeri-negeri Melayu Bersekutu, termasuklah Sungai Ujong di Negeri Sembilan. Pada umumnya, kedatangan orang Cina ke Asia Tenggara berjalan di bawah dua sistem iaitu Sistem Khetow ( sistem ticket-credit atau sistem kuli ) dan sistem kumpulan saudara mara.

Sistem Khetow bermula dengan seorang khetow yang bertanggungjawab menjalankan kegiatan penculikan atau penipuan ke atas penduduk kampung di Negara China . Mereka juga adalah wakil atau ketua kuli yang penting dalam mengendalikan buruh di pelabuhan-pelabuhan di Singapura dan China bagi masyarakat Cina di seberang laut. Terdapat dua jenis kheh-tao ( 客頭 ), jenis yang pertama adalah mereka yang menetap di pelabuhan-pelabuhan di Negeri China Selatan khasnya di Kuang Dong dan Fujian. Mereka memainkan peranan dalam lingkungan China iaitu dalam mendapatkan buruh baru ( Sinkheh ) ( 新客 ) untuk dihantar ke Tanah Melayu. Jenis kedua adalah kheh-tao yang berulang alik antara dua rantau ini. Mereka menyediakan kapal untuk menghantar buruh ke luar negara.<sup>1</sup> Buruh-buruh Cina yang datang ke Tanah Melayu mengikut sistem kumpulan saudara mara adalah atas jemputan saudara-mara mereka yang telah berjaya dalam perniagaan di Tanah Melayu.

Kongsi gelap telah melibatkan diri dalam proses pengambilan buruh- buruh atau Tsu-chai<sup>2</sup> dari China dengan menggunakan khetow yang juga adalah ahli kongsi gelap untuk mengawal buruh. Pada masa yang sama, kongsi gelap juga berperanan dalam memberi perlindungan kepada khetow yang menghadapi masalah mengawasi buruh semasa dalam perjalanan laut ke Tanah Melayu. Kaki pukul dalam kongsi gelap telah digunakan untuk menjaga keselamatan tempat persinggahan buruh supaya tidak ada buruh yang cuba melarikan diri atau dilarikan oleh musuh khetow. Selain daripada itu, ahli kongsi gelap juga menggunakan cara ugutan untuk memaksa buruh-buruh Cina menyertai kongsi gelap dan mereka yang enggan akan dibunuh atau diseksa.<sup>3</sup>

Kongsi gelap bukan sahaja memainkan peranan yang negatif dalam pengawasan buruh baru tetapi mereka juga memberi bantuan dan perlindungan kepada buruh daripada diseksa oleh majikan, kerajaan kolonial British dan pembesar Melayu. Pengaruh kongsi gelap ke atas buruh-buruh Cina semakin kukuh kerana mereka tidak mendapat perlindungan dari kerajaan Dinasti Qing. Untuk melindungi diri mereka daripada dianiyai di rantau asing, mereka menyatupadukan diri melalui pertubuhan seperti kongsi gelap. Di sini boleh disaksikan bahawa kongsi gelap telah memainkan peranan dalam melindungi hak dan faedah buruh Cina di Sungai Ujong.<sup>4</sup>

Kongsi gelap telah memainkan peranan yang penting dalam membawa masuk dan mengawal kehidupan buruh-buruh Cina di Sungai Ujong. Mereka telah membawa masuk buruh Cina ke Negeri Sembilan melalui pelabuhan-pelabuhan yang utama. Pada tahun 1890, hanya aktiviti keluar masuk buruh melalui pelabuhan di Pangkalan Kampas yang dicatatkan tetapi bilangan yang keluar masuk melalui pelabuhan-pelabuhan lain, dan melalui jalan darat ke Selangor dan Melaka tidak diketahui.<sup>5</sup> Pada tahun 1895, bilangan orang Cina yang masuk melalui Port Dickson berjumlah 13,371 orang dan bilangan yang keluar pula berjumlah 5,323 orang.<sup>6</sup> Jadual 5.1 dan 5.2 menunjukkan bilangan orang Cina yang tiba dan keluar dari pelabuhan-pelabuhan utama di Negeri Sembilan. Didapati bahawa bilangan kemasukan orang Cina telah bertambah setiap tahun manakala bilangan orang Cina yang pulang ke China semakin berkurangan. Ini menunjukkan bahawa kongsi gelap berjaya membawa masuk sebilangan besar penghijrah Cina ke Sungai Ujong. Perkembangan ini bukan sahaja telah mengukuhkan pengaruh kongsi gelap di kalangan masyarakat Cina sebaliknya mencabar kuasa kerajaan kolonial di Sungai Ujong.

□□□ **Jadual 4.1: Pengaliran Keluar - Masuk Buruh Cina Antara Tahun 1912-1914**

Tahun	Ketibaan	Keluar
1912	7,770	2,619
1913	11,929	4,705
1914	5,233	3,041

Sumber : Federated Malay States ( FMS ) , Geologist Annual Report 1914 , Arkib Negara Malaysia , Arkib Negara , Kuala Lumpur.

**Jadual 4.2 Ketibaan Dan Peninggalan Buruh Cina Dari Pelabuhan Negeri Sembilan**

Tahun	Pelabuhan	Tiba	Keluar
1896	Port Dickson Pasir Panjang Pangkalan Kempas Kuala Lukut Jumlah	4,996 1,501 859 322 3,620	2,727 901 683 268 4,579
1897	Port Dickson Pasir Panjang Pangkalan Kempas	3,875 1,822 571	1,707 1,077 497
1900	Port Dickson Pasir Panjang Pangkalan Kempas Kuala Lukut Jumlah	3,646 636 697 102 5,081	2,161 559 472 71 3,263
1901	Port Dickson Pasir Panjang Pangkalan Kempas Kuala Lukut Jumlah	862 37 41 19 959	478 42 94 37 651

Sumber : Annual Report of Negeri Sembilan 1896, 1897, Negeri Sembilan Government Gazette 22 Disember 1899, 3 Ogos 1900, 1 Mac 1901 , Arkib Negara . Kuala Lumpur.

## Perlindungan Ke Atas Tokong Cina (Miao) ( 廟 )

Kaum Cina juga telah menubuhkan tempat perjumpaan seperti tokong dan persatuan bagi kaumnya selepas berhijrah ke Tanah Melayu.<sup>7</sup> Pertubuhan tempat perjumpaan yang terawal di Tanah Melayu adalah hasil daripada perkembangan kongsi gelap yang menggunakan nama kongsi Ghee Hin atau Kongsi Hai San. Kongsi gelap awal ini adalah berasaskan konsep sekampungan atau keturunan, contohnya majoriti ahli kongsi gelap Hai San adalah orang Cina berdialek Kantonis.<sup>8</sup>

Pada umumnya, tokong Cina<sup>9</sup> telah bertindak sebagai kumpulan keagamaan yang hanya menjalankan aktiviti ibadat malah turut memainkan peranan mengeratkan hubungan di antara mereka dari kampung yang sama dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya.<sup>10</sup>

Menurut Wang Ming Sing,

*Hui Guan and Miao constituted the two early types taking into consideration that average mentality of illiterate Chinese peasants was parochial and supernaturally inclined.*<sup>11</sup>

Penglibatan kongsi gelap dalam pembinaan kuil atau Miao di Sungai Ujong boleh dilihat menerusi sumbangan daripada ketua-ketua atau anggota kongsi gelap. Sebagai contohnya, Yap Ah Loy, sebagai Kapitan Cina dan ketua kongsi gelap Hai San telah membina Xian Si Ye Miao sempena memperingati Kapitan Sungai Ujong, Sheng Meng Li.<sup>12</sup> Sumbangan Yap Ah Loy dalam membina tokong Sheng Meng Li telah membuktikan penglibatan kongsi gelap dalam aspek sosial. Ini membuktikan bahawa pertubuhan tokong adalah berkait rapat dengan kongsi gelap.

## Perlindungan Ke Atas Persatuan Cina atau Hui Guan Cina ( 會館 )

Selain daripada tokong, penghijrah Cina juga membentuk pelbagai persatuan<sup>13</sup> setelah mereka menetap di Tanah Melayu. Persatuan Cina berperanan untuk menjalankan upacara penyembahan nenek moyang dan dewa-dewi; menjaga sinkheh, membantu ahlinya mendapatkan pekerjaan, memberi bantuan kewangan kepada orang yang tua dan sakit lalu menghantar mereka pulang ke kampung halaman ; menyelesaikan masalah persengketan di antara persatuan atau di antara ahli dan mewakili masyarakat Cina untuk berunding dengan kerajaan kolonial atau kerajaan tempatan berkenaan dengan hal-ehwal orang Cina.<sup>14</sup>

Persatuan-persatuan Cina di Sungai Ujong telah berkembang dengan pesat setelah kedatangan orang Cina secara beramai-ramai ke Sungai Ujong. Di antara Hui Guan yang paling awal di Sungai Ujong adalah persatuan yang ditubuhkan oleh puak Hakka iaitu Mei Chiang Wu Shu Hui Guan ( 武 術 會 館 ) dan Hai Lu Hui Guan ( 海 跡 會 館 ) pada tahun 1840, Hui Zhou Hui Guan ( 惠 州 會 館 ) yang ditubuhkan pada tahun 1870 dan Jia Shu Hui Guan ( 嘉 屬 會 館 ) pada tahun 1880.

Mei Cheng ditubuhkan sebelum tahun 1840 di Rasah, Sungai Ujong. Tauke lombong telah memberi sumbangan wang untuk membina dan membaikinya, dan kini ia terletak di Wilkinson Road, Seremban.<sup>15</sup> Hai Lu Hui Guan pula ditubuhkan pada tahun 1865 oleh Tang Cheng Jin ( 湯 成 近 ), Tang Fu Sou ( 湯 福 壽 ) dan Ye Fang ( 葉 房 ) yang telah menyatukan puak Hai Lu untuk membina bangunan Hui Guan.<sup>16</sup>

Persatuan Hui Zhou merupakan persatuan yang tertua di Sungai Ujong. Gambar Kapitan Cina atau ketua masyarakat Cina Sungai Ujong seperti Kapitan Sheng Ta-An

( 盛 大 安 ), Deng Yu Bo ( 鄧 佑 伯 ), Huang San Bo ( 黃 三 伯 ), Chen San Bo ( 陳 三 伯 ) dan Qiu Kuo-An ( 丘 國 安 ) masih tergantung dalam bangunan Hui Guan ini. Mereka merupakan tauke-tauke lombong timah yang kaya dan juga ketua kongsi-kongsi gelap Cina di Sungai Ujong.<sup>17</sup> Ini menunjukkan bahawa adanya penglibatan ketua-ketua kongsi gelap dalam penubuhan dan perjalanan persatuan Hui Zhou. Ini juga membuktikan wujudnya peranan sosial kongsi gelap kepada masyarakat Cina.

Persatuan Yung Chun ( 永 春 會 館 ) ditubuhkan pada tahun 1898 tetapi pada mulanya ia hanya merupakan tempat menyembah Zhang Gong Shen Jun.<sup>18</sup> Tarikh sebenar penubuhan Hui Guan ini tidak diketahui, namun ramai orang tua berpendapat ia ditubuhkan sebelum tahun 1880. Hui Guan telah ditubuhkan oleh sekumpulan pelombong yang terdiri daripada Lin Xing Nan , Wu Xing Hai, Wang Sheng Lang dan Yao De Shen.<sup>19</sup>

Penglibatan ketua-ketua kongsi gelap dalam penubuhan Hui Guan membuktikan bahawa kongsi gelap juga mengambil berat tentang kebajikan komuniti Cina. Kekayaan yang diperolehi oleh mereka dari sektor perlombongan bijih timah, perniagaan candu dan perjudian telah digunakan untuk membantu ahli-ahlinya. Ini menunjukkan bahawa kongsi gelap bukan setakat mengganggu keamanan negeri .

Jika diteliti sejarah pengasasan Hui Guan, boleh disimpulkan bahawa institusi-institusi ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kongsi-kongsi gelap Cina. Pengasas Hui Guan biasanya terdiri daripada tauke-tauke lombong Cina yang kaya yang menggunakan kuasa dan pengaruh kongsi gelap dalam mengawal perjalanan aktiviti perlombongan dan dalam membekalkan candu. Mereka menjadi pemimpin masyarakat

Cina kerana kuasa ekonomi yang kuat dan mampu menyumbangkan sejumlah wang dalam menubuhkan persatuan-persatuan Cina serta memberi perlindungan kepada persatuan-persatuan Cina untuk menjalankan kegiatan mereka.<sup>20</sup>

Oleh kerana persatuan-persatuan ini biasanya ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin kongsi gelap dan ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli kongsi gelap, maka apabila kongsi-kongsi gelap telah diharamkan menerusi Societies Ordinance 1889, Hui Guan telah mengambil alih peranan kongsi gelap dalam masyarakat Cina.<sup>21</sup> Dengan adanya pengawasan Pelindung Cina, ketua-ketua kongsi gelap telah menubuhkan Hui Guan yang lebih bermotif sosial dan agama bagi menggantikan kongsi gelap.

Pendek kata, hubungan di antara Kapitan, kongsi gelap dan pertubuhan dialek Cina adalah begitu rapat dan saling berkaitan. Perlantikan Kapitan Cina yang turut merupakan ketua kongsi gelap telah membawa kepada penglibatan kongsi gelap dalam pertubuhan Cina seperti Hui Guan. Kongsi gelap dan pertubuhan dialek telah digunakan oleh Kapitan untuk menjalankan tugasnya di samping menambahkan kekayaan dan kepentingannya. Kapitan juga menggunakan kuasa dalam kongsi gelap dan Hui Guan untuk merekrut buruh-buruh dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang dikuasainya. Justeru itu, boleh dikatakan bahawa kongsi gelap dan Hui Guan menjadi alat kepada Kapitan untuk mengukuhkan status politik, sosial dan ekonominya di Tanah Melayu. Pada masa yang sama, beliau turut mengetuai kedua-dua pertubuhan tersebut. Beliau bertanggungjawab untuk melindungi kedua-dua pertubuhan dan selalu menjaga kepentingan mereka. Dengan ini komuniti Cina berjaya menjalinkan hubungan antara satu sama lain melalui seseorang Kapitan yang juga adalah ketua kongsi gelap dan pengasas persatuan Cina.<sup>22</sup>

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Zhong Shi Jing (鍾錫金), **Pengajian Kesedaran Kebangsaan Orang Cina di Malaysia dan Singapura** (新馬華人民族意識探討), Pustaka Tanah Merah, Kedah, 1984, hlm. 34 dan 35.

Tsu-chai merujuk kepada buruh kontrak Cina yang boleh dijual-beli seperti seekor khinzir. Seseorang buruh bukan sahaja dilihat sebagai khinzir yang boleh dijual-beli tetapi juga sebagai satu komoditi perdagangan yang menguntungkan. Tsu-chai dalam dialek Zhao San adalah Ku-li, dialek Hokkien adalah Kui-li, Gu-li dan She-li. Istilah Tsu-chai merupakan dialek bahasa Cina yang boleh didapati dalam Rekod Han ; buku barat pula menganggap mereka sebagai ‘coolie’. ‘Coolie’ sebenarnya berasal dari bahasa Tamil dan adalah nama puak yang tinggal di kawasan pergunungan yang bekerja sebagai pekerja sementara yang kemudian diupah untuk bekerja di rantau asing sebagai buruh kontrak. Terdapat perbezaan antara coolie dengan Tsu-chai. Coolie boleh merujuk kepada buruh kontrak dari mana-mana negara tetapi Tsu-chai hanya terhad kepada buruh kontrak Cina . Namun dalam rekod British, kedua-dua istilah ini tidak dibezakan. Wu Fong Pin (吳鳳斌), **Buruh Cina kontrak** (契約華工), Siri Buku Sejarah Penghijrah Cina (華僑史叢書), Jiang Xi Ren Min Chu Ban She (江西人民出版社), 1988, hlm. 30,32 dan 50 . Buruh-buruh Cina turut dikenali sebagai Tsu-chai kerana mereka telah dikurung dalam bahagian bawah kapal dalam bilangan yang terlalu ramai, umpama khinzir menunggu untuk dijual. Sesampai mereka di pelabuhan di Tanah Melayu, mereka akan dikurung di dalam kandang khinzir yang besar di Tsu-chai Guang untuk menunggu diri mereka “ dibeli ”. Selain daripada itu, mereka digelar sebagai anak khinzir kerana mereka mesti bekerja bagi seekor binatang di kawasan perlombongan dan ladang-ladang penanaman , malah kehidupan mereka lebih teruk daripada binatang . Ling Yuen Hui (林遠輝) dan Zhang Ying Long (張應龍), **Sejarah Penghijrah Cina di Malaysia dan Singapura** (新加坡馬來西亞華僑史), Chu Jie Jin (ed.), Siri Buku Sejarah Penghijrah Cina Di Asia Tenggara (馬來西亞華僑史叢書), Pendidikan Tinggi Kuang Dong Chu Ban (廣東高等教育出版), 1991, hlm. 110-112 .

<sup>3</sup> Yen Ching Huang (顏慶惶), **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**

(新馬華人社會史), Zhong Gou Hua Qiao Chu Ban She (中國華僑出版社), Peking, 1995, hlm. 103 dan Lin Yuen Hui dan Zhang Ying Long, **Sejarah Penghijrah Cina**, hlm. 131 dan Zhong Shi Jing, **Pengajian Kesedaran Kebangsaan Orang Cina**, hlm. 46.

<sup>4</sup> Lin Yuen Hui dan Zhang Ying Long, **Sejarah Penghijrah Cina**, hlm. 246.

<sup>5</sup> “Financial Returns For The Year 1889,” dari Audit Office Sungai Ujong” Aud. 446/90, 31hb Mac 1890.

<sup>6</sup> **Administration Report of the State of Negeri Sembilan- Sungai Ujong and Jelebu, 1895** dan **Report on the Protected Malay States for 1895**.

<sup>7</sup> Tarikh bermulanya tempat perjumpaan orang Cina tidak diketahui. Kebanyakan persatuan Cina dipercayai mula ditubuhkan pada pertengahan abad ke-19M. Fenomena ini berlaku kerana selepas Perang Candu, ekonomi semulajadi China telah rosak dengan teruk. Sebaliknya, idea kapitalis barat mula merebak di China dan kawasan jajahan. Ini menyebabkan ramai petani dan tukang di China cuba mencari rezeki di negara asing. Sebab kedua pulu berkaitan dengan fahaman Ru atau Confusiousnisme dan adat tradisi China yang kukuh dalam kehidupan orang Cina. Sejak mereka berada di kampung halaman, mereka telah nendirikan persatuan sedarah dengan melantik seorang ketua yang dikenali sebagai Zhu Zhang (族長) Tong Xiong Jing (方雄晉) dan Xie Zhen Jia (謝成佳), **Keadaan Penghijrah Cina** (華僑華人的概況), Zhong Guo Hua Qiao Chu Ban (中國華僑出版社), 1993, Peking, hlm. 162-163).

Majalah Peringatan Jia Shu Hui Guan (馬來西亞嘉屬會館聯同會銀禧紀年), hlm. 347.

Pembinaan tokong adalah berdasarkan kepada kepercayaan masyarakat kepada kehidupan selepas mati lan rasa hormat serta takut pada dewa-dewi . Chen Hui Zhi (陳徽治), “Persatuan dan Bang Pai tradisional Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura (新馬族傳組織與幫派)”, dalam **Cintallah Budaya Masyarakat Cina** (愛我華裔文化馬來西亞青年團運動叢書

Loyal Press Sdn Bhd., Kuala Lumpur, 1982, hlm. 72 ; Liu Song Han (劉頌漢), “Persatuan Cina

ebelum Merdeka (獨立前華人鄉團組織).” **Sejarah orang Cina di Malaysia** 馬來西亞華人史新編), Zhong Hua Da Hui Dang Chu Ban She (馬來西亞中華大會堂總會出版), hlm. 3.

<sup>10</sup> Chen Mong Wen (陳 蒙 文 ), "Masa Depan Penjalinan Budaya Persatuan Cina (文化交融中之華文社團的歸趨)," dalam **Budaya Cina Yang Tidak Pernah Terputus** (源元流長的中華文化), Zhong Hua Da Hui Dang Wen Jiao Wei Yuen Hui Chu Ban (中華大會堂文教委員會出版), Selangor, 1981.

<sup>11</sup> Wang Min Sing, "History of the Organisation of the Chinese Community in Selangor with Particular Reference to Problems of Leadership 1857-1962," Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 58.

<sup>12</sup> **Xun Gen- Bibit-babit Orang Cina di Negeri Sembilan** (尋根 - 森美蘭華族先民的足跡), Penerbitan Sin Jiu Jit Pao dan Zhong Hua Da Hui Dang Negeri Sembilan (森美蘭中華大會堂與星洲日報聯合出版), Percetakan Seremban Sdn Bhd., 1992, hlm. 8

<sup>13</sup> Persatuan-persatuan Cina boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu persatuan nama keluarga dan ahli-ahlinya mempunyai hubungan darah dan kebanyakan pertubuhan ini adalah berdasarkan hubungan darah dari tempat tinggal penghijrah Cina yang awal iaitu Gong Xi Fang, Lau Chai dan Ku Li Jian . Fang Xiong Jing, **Keadaan Penghijrah Cina**, hlm. 166. Persatuan sedaerah pula terdiri daripada ahli-ahli yang berasal dari kampung halaman atau bertutur dalam dialek yang sama. Kedudukan geografi di China yang membahagikan China mengikut berdasarkan Zhou (wilayah), Fu (daerah), Jun (kampung) telah mempengaruhi bentuk persatuan yang ditubuhkan di Tanah Melayu. Persatuan daerah merupakan bentuk pertubuhan yang tertua selepas tokong Cina. Chen Hui Zhi, "Persatuan Cina Tradisional dan Bang Pai Cina," hlm. 71 . Kepelbagaiannya jenis jenis pekerjaan yang diceburi oleh masyarakat Cina telah menyebabkan mereka menubuhkan persatuan-persatuan pekerjaan untuk menggabungkan tenaga mereka dalam pekerjaan yang sama serta dalam mempertahankan hak dan kepentingan ekonomi . Fang Xiong Jing, **Keadaan Penghijrah Cina**, hlm. 167 . Selain daripada itu, terdapat juga persatuan yang tidak terikat kepada ketiga-tiga kategori di atas. Persatuan ini biasanya ditubuhkan oleh sekumpulan orang Cina yang tinggal di satu kawasan yang sama dan tidak kira hubungan darah, daerah atau pekerjaan . Ibid., hlm. 168 ; Cui Zhi Ying (崔志鷹), "Pekebangan Persaa Malaysia (馬來西亞華人社團現狀和發展趨勢), Persatuan Sejarah Penghijrah Cina Guang Xi(廣西華僑歷史學會)" hlm. 43 .

<sup>14</sup> Heng Pek Koon, **Chinese Politics in Malaysia**, hlm. 12 ; Zhen Wei Zhi, "Persatuan Cina Tradisional dan Bang Pai," hlm. 75 ; Fang Jing Xiong, **Keadaan Penghijrah Cina**, hlm. 170 ; Liu Song Han, "Persatuan Cina Sebelum Merdeka," hlm. 356 ; Liu Hung, "Persatuan Cina Antarabangsa Seberang Laut," hlm. 49.

<sup>15</sup> Wan Ming Sing, "History of the Organisation of the Chinese Community," hlm. 114 dan 115.

<sup>16</sup> Majalah Persatuan Fui Chiu Negeri Sembilan, Ulang Tahun ke-100 (森美蘭惠州館一百年紀念特刊), 1970, hlm. 81 ; Cendermata Ulang Tahun Ke-50, Persatuan Kwang Tung, Negeri Sembilan (森美蘭廣東會館金禧紀年特刊), 1940-1990.

<sup>17</sup> Kedatangan orang Fui Chou ke Tanah Melayu bermula sejak zaman Pemerintahan Xian Fung (咸豐皇帝) dan Tong Zhi (同治皇帝), tumpuan mereka adalah di Sungai Ujong dan Rasah. Mereka merupakan orang Cina yang paling awal menerokai Negeri Sembilan . Majalah Persatuan Fui Chiu Negeri Sembilan, Ulang Tahun ke-100, hlm. 26; Cendermata Ulang Tahun ke-50, Persatuan Kwang Tung Negeri Sembilan, 1940-1990, hlm.40 ; Wan Ming Sing, "History of the Organisation of the Chinese Community in Selangor," hlm. 116-117.

<sup>18</sup> Latar belakang tokoh Zhang Gong Shen Jun (張公聖君) tidak diketahui. Majalah Persatuan Yung Chun, Ulang Tahun ke-30 (馬來西亞永春聯合會銀禧紀年特刊), hlm. 137.

<sup>19</sup> Wan Ming Sing, "History of the Organisation of the Chinese Community in Selangor," hlm. 118 ; Cendermata Ulang tahun Ke-50, Persatuan Kwang Tung, Negeri Sembilan, hlm. 44.

<sup>20</sup> Yang Jian Zhen (楊建成), "Orang Cina dengan Pembinaan Negara Malaysia (華人與馬來亞之建國 1946-1957), Zhong Guo Xue Shu Zhu Zhou (中國學術著作獎助委員會), Taipei, 1972, hlm. 52.

<sup>21</sup> Isi kandungan *Societies Ordinance 1889* akan dibincang dalam bab 6.

<sup>22</sup> Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina**, hlm. 195.

## **BAB 5 ; PEMBENTERASAN KONGSI GELAP**

Sebelum akhir abad ke-19 , kerajaan kolonial British melihat kongsi gelap Cina sebagai suatu organisasi yang membawa manfaat dari segi sosioekonomi kepada masyarakat Cina dan kerajaan kolonial. Ketua kongsi gelap bertindak sebagai ejen yang memelihara keamanan dalam negeri. Namun begitu, peranan tersebut semakin hilang popularitinya apabila ramai ahli kongsi gelap terlibat dalam aktiviti yang menggugat keamanan dalam negeri. Aktiviti jenayah yang dijalankan oleh ahli kongsi gelap dianggap mencabar kekuasaan dan kewibawaan kerajaan kolonial selaku pemimpin yang utama di Tanah Melayu. Perkembangan ini telah menyebabkan kerajaan kolonial terpaksa mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengawal keselamatan Negeri Sembilan.

Di Negeri-negeri Melayu, kewujudan kongsi gelap tidak dikawal oleh pihak kerajaan dan ini menyebabkan pengaruh kongsi gelap menjadi semakin kuat.<sup>1</sup> Ini menyebabkan kerajaan terpaksa bergantung kepada pemimpin-pemimpin Cina yang dilantik sebagai Kapitan untuk mengawal masyarakat Cina khasnya kongsi gelap yang menjadi penghubung antara kerajaan dan masyarakat Cina.<sup>2</sup> Sistem Kapitan dilihat sebagai satu alternatif yang membenarkan kewujudan kongsi gelap di bawah pengawasan yang lebih ketat.<sup>3</sup> Walaupun Kapitan Cina diberi tugas untuk mengekalkan keamanan tetapi ada di kalangan mereka yang menjadi ketua kongsi gelap. Oleh itu, kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawal penularan pengaruh kongsi gelap melalui Kapitan.<sup>4</sup>

Kerajaan British bertekad untuk menumpaskan kongsi gelap Cina demi menjaga keamanan dalam negeri kerana tindakan ahli-ahli kongsi gelap yang melanggar undang-

undang dan mengugat kesejahteraan masyarakat. Laporan Tahunan Sungai Ujong 1893 mencatatkan terdapat 258 orang pelombong Cina yang terlibat dalam jenayah.<sup>5</sup> Kebanyakan kes-kes jenayah ini berkait rapat dengan kongsi gelap di kawasan perlombongan bijih timah yang merupakan pusat kegiatan kongsi gelap.

Antara bentuk jenayah yang melibatkan kongsi gelap Cina di Sungai Ujong adalah pembunuhan. Misalnya, pada tahun 1895, seramai lima orang ahli kongsi gelap telah membunuh seorang yang bukan ahli kongsi gelap dengan menanamnya hidup-hidup kerana terdengar rahsia kongsi gelap.<sup>6</sup> Pembunuhan secara kejam yang dijalankan memang bersesuaian dengan ciri-ciri kongsi gelap Cina yang tidak membenarkan rahsia dan maklumat kongsi gelap mereka tersebar keluar dari organisasi mereka.

Menurut Laporan Tahunan 1903, kongsi gelap juga terlibat dalam tiga kes jenayah.<sup>7</sup> Kes-kes jenayah ini telah membuktikan penglibatan kongsi gelap dalam aktiviti yang mengganggu keamanan dalam negeri. Bukti yang paling nyata boleh diperolehi melalui peninjauan rekod-rekod kes jenayah selepas tahun 1890. Pada tahun 1895, kes yang dilaporkan kepada polis adalah 2,152, kes yang ditahan adalah 799 manakala kes yang dilaporkan pada tahun 1896 adalah 2,123, dan kes yang ditahan adalah 845.<sup>8</sup> Kes yang dilaporkan pada tahun 1902 telah meningkat kepada 3,818 dan menjadi 4,597 kes pada tahun berikutnya<sup>9</sup> (Jadual 5.1). Selain daripada itu, penambahan hasil yang dikutip oleh Mahkamah Jenayah membuktikan kes jenayah semakin meningkat ( Jadual 5.2, 5.3 , 5.4 ).

Jadual 5.1 Kes Jenayah Yang Berlaku Di Negeri Sembilan

Jenis Jenayah / Tahun	1903	1904	1905	1906	1907	1908	1909	910
Pembunuhan	2	6	7	2	3	5	6	6
Perompakan Berkumpulan	10	38	30		11	33	15	10
Perompakan di Lebuh Raya		2					39	3
Perompakan	42	72	37		34	55		
Kcederaan							20	44
Pencurian							644	427

Sumber : Federated Malaya States ( FMS ), of Negeri Sembilan Adminstration Report 1904, 1905, 1907, 1908, dan Negeri Sembilan Annual Report 1910, Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Jadual 5.2 Hasil Yang Dipungut (\$) Dari Mahkamah Jenayah Pada Tahun 1898

	Mahkamah Residen	Mahkamah Majistret	Mahkamah Penghulu
Seremban	300	1,588	160
Jelebu		1,284	
Pantai		1,248	. 10
Kuala Pilah		1,307	219
Tampin		969	

Sumber : Annual Report of Negeri Sembilan 1898, Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Jadual 5.3 Hasil Yang Dipungut (\$) Dari Mahkamah Jenayah Pada Tahun 1899

	Mahkamah Residen	Mahkamah Majistret	Mahkamah Penghulu
Seremban		3,070	395
Jelebu		1,017	
Pantai		688	256
Kuala Pilah		2,462	938
Tampin		1,011	

Sumber : FMS, Annual Report 1899 , Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Jadual 5.4 : Hasil Yang Dipungut (\$) Oleh Mahkamah Jenayah Pada Tahun 1901

	Mahkamah Majistret Senior	Mahkamah Majistret	Mahkamah Penghulu
Seremban	71	5,116	179
Jelebu		1,638	214
Pantai		1,561	259
Kuala Pilah		1,730	247
Tampin		1,893	

Sumber : Annual Report of Negeri Sembilan 1901, Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Dengan pertambahan penduduk Cina kes jenayah turut meningkat. Ini menyebabkan penjara di Negeri Sembilan banyak menurung pesalah Cina yang terlibat dalam kes jenayah. Menurut Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1901, daripada 152 pesalah yang dikurung, 123 ialah orang Cina. Dari jumlah ini, 67 orang Cina adalah dari

puak Kheh, 22 dari puak Kantonis, 14 dari puak Hailam, 13 dari puak Hokkian, 4 dari puak Teochiew dan 3 dari puak yang berlainan.<sup>10</sup>

Di antara beberapa daerah di Negeri Sembilan, Seremban merupakan kawasan yang paling kerap berlaku kes jenayah. Ini kerana Seremban merupakan pusat tumpuan orang Cina di Negeri Sembilan. Pada tahun 1903, terdapat 1,897 kes jenayah yang berlaku di Seremban manakala kes jenayah yang berlaku di seluruh Negeri Sembilan adalah sebanyak 4,100 kes.<sup>11</sup> Ini menunjukkan bahawa orang Cina merupakan kaum yang sering terlibat dalam jenayah. Ini dapat dibuktikan dalam catatan Ketua Polis Negeri Sembilan pada tahun 1910. Menurut beliau,

*Chinese are the principal evil-doers; Malay are very law-abiding on the whole. The piratical amok-turning Malay of the novelettes is now non-existent.<sup>12</sup>*

Kerajaan British terpaksa mengambil langkah-langkah untuk menumpaskan kegiatan kongsi gelap kerana penglibatan ahli kongsi gelap dalam aktiviti jenayah semakin ketara selepas tahun 1910-an. Pada tahun 1914, terdapat lapan kes tuduhan terhadap sembilan orang ahli kongsi gelap. Seorang daripadanya adalah ahli dalam kongsi Chung Wo di Negeri Sembilan. Lima orang telah dibuang negeri kerana disyaki terlibat dalam kongsi gelap. Selain daripada itu, seramai 14, 39 dan 12 orang telah dibuang negeri pada tahun 1912, 1913 dan 1914. Ramai di antara mereka dibuang negeri kerana terlibat dalam kongsi gelap Cina, penghisapan candu, penculikan wanita atau terlibat dalam kes jenayah.<sup>13</sup> Penglibatan kongsi gelap dalam kes yang membahayakan keamanan telah menyebabkan pihak kerajaan kolonial terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk menumpaskan aktiviti kongsi gelap di Sungai Ujong.

Walaupun kongsi gelap pernah memainkan peranan yang amat penting kepada pihak berkuasa kolonial sebagai alat untuk mengorganisasi komuniti Cina di Tanah Melayu, namun kegiatan kongsi gelap yang semakin mengancam keselamatan dalam negeri telah membawa kepada pengharamannya. Dalam masa yang sama persengketaan antara kongsi gelap juga menjasakan kepentingan ekonomi dan politik orang Inggeris di Tanah Melayu. Oleh itu, kerajaan kolonial terpaksa mengharamkan kongsi gelap untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka di Tanah Melayu.<sup>14</sup>

### **Langkah-langkah Pembenterasan Kongsi Gelap**

Kerajaan British telah mengambil pelbagai langkah untuk menghapuskan kegiatan kongsi gelap di Tanah Melayu. Dalam melaksanakan usaha ini, pelbagai undang-undang telah digubal untuk membanteras kegiatan dan perluasan pengaruh kongsi gelap. Ini kerana perlaksanaan undang-undang merupakan suatu cara yang berkesan untuk membanteras kongsi gelap. Berikut adalah ordinan-ordinan yang telah diluluskan untuk mengawal kegiatan kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu. Antaranya ialah :

### **The Dangerous Societies Suppression Ordinance 1869 ( Ordinan Penumpasan Persatuan-persatuan Berbahaya 1869 )**

Sejak tahun 1860-an, kerajaan telah mengambil tindakan untuk membanteras kegiatan kongsi gelap di Tanah Melayu. Pada tahun 1869, Ordinan Penumpasan Persatuan-persatuan Berbahaya 1869 telah diluluskan<sup>15</sup> Ciri-ciri utama Ordinan tersebut adalah seperti berikut :

- 1) Semua jenis persatuan yang mempunyai lebih daripada 10 orang ahli, kecuali syarikat perniagaan mesti berdaftar kepada pihak pendaftar .
- 2) Mana-mana persatuan yang berdaftar atau tidak kelihatan mempunyai unsur-unsur yang diharamkan oleh kerajaan perlu menghantar perkara-perkara di bawah :
  - a. Nama, alamat dan pekerjaan setiap ahli jawatankuasa dan ahli biasa.
  - b. Salinan segala jenis peraturan dan undang-undang persatuan.
  - c. Pernyataan pembayaran kepada ahli-ahli serta sumber pendapatan.
  - d. Salinan segala jenis perjanjian yang dicadangkan ataupun diberikan kepada ahli-ahlinya.
  - e. Penerangan tentang segala simbol-simbol serta kod-kod rahsia yang digunakan oleh ahli-ahli.
  - f. Peraturan upacara yang dijalankan.
  - g. Keterangan tentang setiap jenis pindaan atau penukaran terhadap mana-mana had di atas.
- 3) Pihak pendaftar diberi kuasa untuk menolak pendaftaran jika terdapat unsur-unsur yang bertentangan dengan undang-undang kerajaan.
- 4) Pihak kerajaan mewajibkan wang jaminan \$1,000 daripada pengurus atau mana-mana ahli jawatankuasa persatuan yang didaftarkan di bawah Ordinan ini.
- 5) Larangan ke atas amalan mengangkat sumpah.
- 6) Notis pemberitahuan mesyuarat mesti dihantar kepada pihak pendaftar.

Ordinan ini bukan bertujuan untuk mengharamkan atau menghentikan sesebuah persatuan atau kongsi gelap tetapi sama dengan sahaja satu prosedur pendaftaran yang formal.<sup>16</sup> Menurut W.A.Pickering<sup>17</sup> iaitu Pelindung Orang Cina, Ordinan 1869 bukanlah satu langkah berkesan untuk mengawal kongsi-kongsi gelap. Ini kerana sumpahan, peraturan serta senarai ahli dalam kongsi gelap yang dihantar telah diubahsuai untuk mengelirukan pihak berkuasa. Misalnya, ketua kongsi gelap melantik seorang ketua

boneka untuk menggantikannya ataupun menggunakan nama palsu supaya pihak kerajaan tidak tahu aktiviti sebenar kongsi gelap. Tujuan ketua kongsi gelap melakukan penipuan dalam pendaftaran persatuan adalah untuk menjamin penerusan pengaruh kongsi gelap.<sup>18</sup> Dengan ini, boleh dikatakan Ordinan 1869 telah menghadapi kegagalan kerana kongsi-kongsi gelap terus menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dan bilangan ahlinya pula terus meningkat.<sup>19</sup>

Selepas kegagalan Ordinan 1869, satu lagi ordinan yang lebih ketat telah diperkenalkan. Di bawah Ordinan baru ini, persatuan-persatuan seperti Persatuan Bendera Merah dan Putih<sup>20</sup> dan kongsi gelap Cina telah diisyiharkan sebagai persatuan yang telah diharamkan oleh undang-undang. Sesiapa yang didapati terlibat dalam operasi pertubuhan yang sudah diharamkan akan didenda \$100 atau dipenjara tidak lebih 12 bulan dan mereka yang didapati menjadi ahli kongsi atau telah menghadiri mesyuarat dalam kongsi-kongsi yang haram, menyumbangkan wang dengan tujuan mengekalkan sesebuah persatuan yang telah diharamkan akan didenda sebanyak \$500 atau dipenjarakan selama enam bulan atau menjalankan kedua-dua hukuman. Seseorang yang terlibat dalam apa-apa bentuk penulisan bagi pertubuhan yang tidak sah, mungkin disyaki sebagai ahli dalam pertubuhan tersebut. Sebaliknya hanya pertubuhan yang tidak mendatangkan bahaya atau telah berdaftar dan disahkan oleh pihak kerajaan yang dibenarkan menulis sepanduk, artikel atau sebarang bentuk penulisan. Jika sesebuah persatuan didapati boleh mendatangkan bahaya atau menjejas ketenteraman dalam negeri, maka satu perjumpaan akan diaturkan oleh Gabenor untuk berjumpa dengan pihak yang menguruskan persatuan. Pada perjumpaan tersebut, pihak pengurusan persatuan berkenaan akan diminta memberikan alasan mengapa persatuan mereka tidak

boleh diharamkan . Jika alasan yang diberikan tidak kukuh maka persatuan tersebut akan diharamkan.

Seseorang yang didapati masih menganggotai sesebuah persatuan yang telah diharamkan selepas 14 hari undang-undang tersebut diumumkan di dalam ‘Government Gazette’ akan didenda \$500 atau dipenjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>21</sup> Namun begitu, sekali lagi ordinan ini gagal mengawal kegiatan kongsi gelap kerana kongsi-kongsi gelap masih bergerak aktif dan bilangan ahli pula semakin bertambah. Oleh itu, pegawai kolonial seperti Sir Cecil Clementi Smith,<sup>22</sup> Kolonel Dunlop dan W.A.Pickering berpendapat bahawa Ordinan 1869 serta segala pindaannya masih gagal mengawal kegiatan kongsi-kongsi gelap.

Kelemahan Ordinan 1869 telah menyebabkan W.A. Pickering dan Colonel Dunlop menghantar surat kepada Gobenor Negeri-negeri Selat pada 9hb Julai 1888 meminta diperkenalkan ordinan baru menggantikan ordinan yang sedia ada.<sup>23</sup>

#### *Secret Societies Ordinance 1888 ( Ordinan Kongsi Gelap 1888 )*

Kegagalan Ordinan 1869 dan pindaannya telah membawa kepada penggubalan Ordinan Kongsi Gelap 1888 (*Secret Societies Ordinance 1888*). Ekoran perlaksanaan undang-undang ini, kerajaan mula bertindak dengan lebih menyeluruh dalam pendaftaran ahli, penyiasatan buku, dokumen dan cop-cop kongsi gelap. Semua cop akan disimpan oleh Pelindung Orang Cina. Bahan-bahan kongsi gelap mesti dibakar oleh ketua kongsi gelap di rumah kongsi di hadapan Pelindung orang Cina dan pembantunya dan harta dalam rumah kongsi atau bangunan kongsi dilelong oleh kerajaan.<sup>24</sup> Ini bermakna tiada persatuan yang boleh ditubuhkan tanpa persetujuan Gabenor Negeri-negeri Selat. Oleh

sebab itu, sesiapa yang mengurus persatuan boleh dihukum sehingga tiga tahun dan sesiapa yang menjadi ahli kepada persatuan yang telah diharamkan atau menghadiri mesyuarat persatuan berkenaan akan didenda tidak lebih \$500 atau dipenjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Di bawah Ordinan ini, *Majistret* atau *Justice of Peace* dibenarkan memasuki bangunan yang disyaki mengadakan mesyuarat persatuan dan berhak untuk menahan sesiapa yang menghadiri mesyuarat berkenaan. Segala dokumen, buku, kertas, bendera yang dijumpai di bangunan berkenaan akan dirampas. Sesiapa yang menghadiri perhimpunan persatuan yang telah diharamkan boleh didenda \$100 atau di penjara tidak lebih daripada enam bulan, manakala pemilik bangunan tersebut pula akan didenda tidak lebih \$500 atau dipenjara enam bulan.<sup>25</sup>

Daripada kedua-dua ordinan tahun 1869 dan 1888, didapati hukuman dalam Ordinan 1888 adalah lebih berat berbanding dengan Ordinan 1869. Ini dilakukan kerana kes-kes jenayah yang dilakukan oleh masyarakat Cina khasnya ahli-ahli kongsi gelap semakin bertambah.

Perlaksanaan ordinan-ordinan ini juga telah meninggalkan kesan yang mendalam ke atas sosiol-politik Tanah Melayu. Ini kerana usaha-usaha penumpasan kongsi gelap ini telah menyebabkan aktiviti-aktiviti kongsi gelap menjadi lebih rahsia dan merbahaya, malah keadaan ini boleh menyebabkan kerajaan kehilangan maklumat dan kawalan terhadap pertubuhan ini.<sup>26</sup> Sungguhpun ordinan-ordinan ini telah mengharamkan kongsi gelap, namun kerajaan masih membenarkan penubuhan persatuan-persatuan yang

bermotif sosial dan agama.<sup>27</sup> Ini menyebabkan kongsi gelap terus aktif dalam persatuan-persatuan sosial ini, malah pemimpin-pemimpin persatuan itu terdiri daripada ketua-ketua kongsi gelap. Perkembangan ini menunjukkan bahawa aktiviti kongsi gelap tidak mudah dihapuskan walaupun pelbagai ordinan telah dilaksanakan oleh kerajaan.

#### *Secret Societies Ordinance 1899 (Ordinan Kongsi Gelap 1899 )*

Pengharaman kongsi gelap telah dilaksanakan di Negeri-negeri Selat sejak tahun 1860-an tetapi ia hanya dilaksanakan di Negeri Sembilan pada Disember 1889. Sehingga tahun 1896, tiada enakmen baru yang digubal untuk mengawal aktiviti kongsi gelap dan persatuan di Negeri Sembilan. Segala undang-undang yang dilaksanakan hanyalah berdasarkan Ordinan 1888.<sup>28</sup> Oleh itu, Negeri Sembilan telah memperkenalkan suatu peraturan baru untuk membanteras kegiatan persatuan atau kongsi yang telah menggugat keselamatan dalam negeri.

Sama seperti Ordinan 1869 dan 1888, undang-undang yang diperkenalkan pada tahun 1899 juga menentukan hukuman yang akan dikenakan ke atas ahli-ahli dan ketua kongsi gelap. Dengan perlaksanaan peraturan ini, sesiapa yang didapati menganggotai atau terlibat dalam pertubuhan-pertubuhan haram akan didenda tidak lebih \$500 atau dipenjara tidak lebih 12 bulan. Sesiapa yang didapati memiliki sepanduk, penulisan, resit dari pertubuhan yang tidak sah seperti kongsi gelap; boleh disyaki sebagai ahli pertubuhan berkenaan dan dikenakan denda sebanyak \$250 atau dipenjara selama enam bulan.

Residen mempunyai kuasa untuk mengharamkan apa-apa bentuk pertubuhan sama ada yang berdaftar atau tidak, dan semua bangunan atau tempat mesyuarat

pertubuhan berkenaan akan ditutup. Kuasa itu diberi untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam. Majistret, Pendaftar Pertubuhan dan pegawai polis diberi kebenaran untuk menyiasat sesebuah bangunan atau mana-mana tempat yang dipercayai telah digunakan untuk menjalankan mesyuarat, dan menahan ahli –ahli yang terlibat dalam persatuan tersebut. Sesiapa yang didapati memiliki buku, kertas, dokumen, bendera, cop atau artikel boleh disyaki sebagai ahli pertubuhan haram kerana bahan-bahan berkenaan hanya dimiliki oleh ahli-ahli pertubuhan kongsi gelap.

Untuk memastikan kongsi-kongsi gelap tidak menjalankan mesyuarat tanpa pengetahuan pihak kerajaan, Ordinan 1888 telah menetapkan bahawa pertubuhan-pertubuhan yang ingin mengadakan perjumpaan atau mesyuarat dikehendaki menyerahkan notis kepada Pendaftar Pertubuhan sekurang-kurangnya 24 jam lebih awal dan membekalkan maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan objektif mesyuarat diadakaan . Sesiapa yang tidak mematuhi peraturan ini boleh didenda tidak lebih \$250 atau dipenjara tidak lebih dari enam bulan. Majistret, Pendaftar Pertubuhan dan pegawai polis berpangkat sekurang-kurangnya inspektor boleh menyertai sebarang mesyuarat secara bebas, dan mereka boleh menghentikan perjalanan mesyuarat jika disyaki perkembangan seterusnya boleh mengancam keamanan. Sesiapa yang cuba menghalang tindakan pegawai-pegawai ini boleh didakwa dan didenda tidak lebih dari \$250 atau dipenjara tidak lebih enam bulan. Dengan adanya dasar ini, kongsi gelap menghadapi kesukaran untuk menjalankan perhimpunan dan berinteraksi dengan ahli-ahlinya.

Ketua kongsi gelap selalu memberi maklumat yang mengelirukan kerajaan yang mengebabkan pihak kerajaan menghadapi masalah untuk bertindak dengan efektif. Oleh itu ordinan undang-undang ini turut memperketatkan hukuman kepada sesiapa yang

memberi maklumat yang salah tentang pertubuhan iaitu denda tidak lebih \$250 dan dipenjara tidak lebih dari tiga bulan. Untuk mengurangkan sumber pendapatan ahli kongsi gelap, kerajaan telah melarang kongsi-kongsi gelap daripada menggunakan kekerasan untuk memaksa ahli-ahli membayar yuran keahlian dan wang perlindungan. Ahli-ahli kongsi gelap yang didapati mengangkat sumpah dan membuat perjanjian untuk melakukan sesuatu yang salah dari segi undang-undang juga boleh didakwa dan didenda sebanyak \$500 atau dipenjara tidak lebih 12 bulan. Oleh kerana aktiviti pemungutan wang perlindungan merupakan salah satu sumber ekonomi yang lumayan bagi kongsi gelap, maka kerajaan terpaksa menyekat aktiviti ini. Pengutipan wang perlindungan hanya dibenarkan setelah Pendaftar Pertubuhan mempertimbangkan kepentingan, objektif dan tujuan pengutipan wang.

Untuk memudahkan pengawalan ke atas kongsi-kongsi gelap dan persatuan-persatuan Cina, kerajaan menetapkan dasar pendaftaran pertubuhan ke atas semua bentuk pertubuhan. Maklumat yang mesti disertai dalam pendaftaran pertubuhan sesebuah pertubuhan adalah : tajuk, objektif, peraturan, lokasi, harta benda, bilangan ahli dan nama serta pekerjaan mereka, hari perayaan yang dirayakan, jumlah wang sumbangan yang dibayar oleh setiap ahli serta maklumat peribadi pegawai atau kakitangan atau jawatankuasa pertubuhan dari segi puak, jawatan, pekerjaan atau tempat tinggal.<sup>29</sup> Dengan adanya maklumat-maklumat ini, kerajaan boleh mengawal aktiviti-aktiviti persatuan Cina dan kongsi gelap.

The Dangerous Societies Suppression Ordinance 1900 ( Ordinan Penumpasan Persatuan Berbahaya 1900 )

Di bawah Seksyen 32 dalam Enakmen Setiausaha Hal-ehwal Orang Cina 1899 (*Secretary for Chinese Affair Enactment, 1899*), Negeri Sembilan boleh melaksanakan Ordinan Penumpasan Persatuan-persatuan Berbahaya 1900 (*The Dangerous Societies Suppression Ordinance 1900*) yang mengesahkan pengharaman ke atas kongsi-kongsi gelap atau semua persatuan yang berbahaya . Tugasan ini hanya boleh dibuat oleh Setiausaha Hal-ehwal Orang Cina dan Pelindung Orang Cina setelah mereka mendapat kebenaran daripada Residen Jeneral.<sup>30</sup> Selain ini, Pendaftar Pertubuhan diberi tanggungjawab untuk menumpaskan semua kongsi sehingga tiada kongsi gelap yang wujud dalam Negeri Sembilan.<sup>31</sup>

Sistem Pendaftaran ini telah mencapai kejayaan pada peringkat awal kerana ramai orang Cina takut akan hukuman yang dikenakan dalam ordinan-ordinan berkenaan yang memberikan tamparan yang hebat ke atas kegiatan kongsi gelap. Walaubagaimanapun sistem pendaftaran ini masih menemui jalan buntu kerana kongsi gelap menyembunyikan kewujudan pertubuhan dan aktiviti mereka dengan mendaftarkan pertubuhan tersebut di bawah persatuan yang dibenarkan oleh kerajaan seperti rumah perjudian.<sup>32</sup> Tindakan ini telah membuktikan bahawa pihak kerajaan tidak mempunyai satu cara yang benar-benar berkesan untuk menyekat kegiatan yang dijalankan oleh kongsi gelap. Sesungguhnya peraturan-peraturan baru yang diperkenalkan hanya dapat mengawal penularan pengaruh kongsi gelap.

### Criminal Procedure Code 1902 ( Kod Peraturan Jenayah 1902 )

Polis juga turut diberi tanggungjawab yang penting dalam operasi membanteras aktiviti kongsi gelap. Mereka menjalankan tugas yang telah ditetapkan dalam pengisytiharaan. Malah kuasa polis dalam mengendali hal-ehwal kongsi gelap telah bertambah selepas perlaksanaan Ordinan Penumpasan Persatuan-persatuan Berbahaya 1900 (*The Dangerous Societies Suppression Ordinance 1900*).<sup>33</sup> Di bawah seksyen ini, polis diberi kuasa untuk hadir di makhamah semasa mendengar perbicaraan, mengeluarkan saman, menguruskan orang yang memeras ugut di rumah-rumah pelacuran; mendaftar semua imigran Cina yang baru; mendaftar dan mengawal rumah penginapan penumpang Cina serta mengambil gambar seseorang imigran untuk mengenali seseorang.<sup>34</sup>

Kuasa polis diperluaskan lagi dengan pengenalan Kod Peraturan Jenayah (*Criminal Procedure Code*). Di bawah undang-undang ini, Majistret dan polis berkuasa untuk menyuraikan mana-mana perhimpunan yang dianggap salah dari segi undang-undang atau yang dihadiri oleh lebih daripada lima orang. Jika perhimpunan seperti ini tidak disuraikan secara sukarela maka polis berhak menggunakan kekerasan untuk menyuraikan mereka.<sup>35</sup>

Undang-undang ini memberi penekanan kepada aktiviti kongsi gelap yang membahayakan keamanan dalam negeri, untuk melindungi masyarakat daripada ditindas oleh ahli-ahli kongsi gelap. Undang-undang ini telah melarang kepunyaan seseorang diambil secara peras ugut. Perjumpaan yang disertai oleh lima orang atau lebih boleh membawa kepada hukuman penjara tidak lebih dari enam bulan, malah sesiapa yang diketahui cuba melindungi ahli-ahli pertubuhan haram di dalam rumahnya boleh

dikenakan hukuman kerja berat selama tiga tahun.<sup>36</sup> Dengan adanya undang-undang tersebut, kerajaan telah banyak memberi kuasa kepada polis untuk memastikan aktiviti kongsi gelap selalu berada di bawah pengawasan yang ketat.

### Perlantikan Pegawai Pelindungan Orang Cina

Sebelum tahun 1860-an, pihak kerajaan sering menghadapi masalah dalam mengendalikan hal-ehwal orang Cina. Ini kerana pada masa itu tidak terdapat pegawai kerajaan yang mempunyai pengetahuan tentang pantang larang, adat-resam dan kebolehan untuk bertutur dalam bahasa Cina. Keadaan mula berubah setelah pihak kerajaan melantik seorang Pelindung Orang Cina pada tahun 1871 yang bertindak sebagai penasihat British dalam hal-ehwal imigran Cina di Tanah Melayu. Beliau merupakan perancang, penasihat dan pelaksana segala dasar pentadbiran yang berkaitan dengan penghijrahan, kemasyarakatan, politik dan budaya yang berkaitan dengan masyarakat Cina. Justeru itu, segala hal-ehwal masyarakat Cina dikendalikan oleh pegawai kerajaan tersebut.<sup>37</sup>

Pelindung Orang Cina memainkan peranan yang penting dalam usaha mengawal dan membanteras aktiviti kongsi gelap kerana beliau telah mengambil alih peranan yang dimainkan oleh kongsi gelap sejak dahulu lagi. Ini kerana Pelindung Cina berperanan dalam memberi bantuan kepada mereka dari yang memerlukannya; menjaga kebijakan kuli yang baru tiba dan mengelakkan mereka dianiayai dan menyimpan rekod bilangan imigran yang masuk dan keluar dari negeri.<sup>38</sup> Ini menunjukkan bahawa Pelindung Orang Cina penting dalam mengawal aktiviti orang Cina di Tanah Melayu.<sup>39</sup>

Kerajaan kolonial telah melantik W.A.Pickering sebagai Pelindung Orang Cina yang pertama pada Mei 1877.<sup>40</sup> Beliau dianggap pegawai kerajaan yang paling sesuai untuk jawatan ini kerana beliau boleh berbahasa Mandarin<sup>41</sup> dan menulis dalam bahasa Cina, di samping pernah bertugas sebagai seorang pegawai kastam semasa beliau berada di China.<sup>42</sup> Perlantikan pegawai ini telah memudahkan kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan komuniti Cina. Hubungan mereka dengan pegawai kolonial bergantung pada pemimpin-pemimpin Cina seperti Kapitan Cina yang bertindak sebagai orang tengah. Ini menyebabkan kerajaan terpaksa memberi kuasa kepada Kapitan Cina yang juga merupakan ketua kongsi gelap untuk menyelesaikan hal-hal komuniti Cina.<sup>43</sup> Selepas perlantikan Pickering, ketua kongsi gelap semakin hilang kepentingan.

Pelindung Orang Cina juga memainkan peranan sebagai orang tengah untuk menghubungi pihak kerajaan dengan kongsi gelap. Melalui hubungannya dengan kongsi gelap, beliau berupaya menyekat kerjasama antara kongsi-kongsi gelap yang boleh mengancam keselamatan dalam negeri di samping menggalakkan penubuhan persatuan-persatuan untuk menumpaskan kuasa kongsi gelap. Beliau mengambil tindakan yang agresif untuk menyekat aktiviti ekonomi yang sering dikawal oleh kongsi gelap sehingga aktiviti perjudian telah diharamkan dan rumah pelacuran dikawal rapi oleh kerajaan. Dengan itu, kongsi gelap mula kehilangan sumber pendapatan yang penting bagi perkembangan pertubuhan kongsi dan menyekat pengaruh kongsi gelap daripada terus berkembang.

Pickering telah menyertai kongsi gelap untuk mengetahui selok belok organisasi kongsi gelap yang menyebabkan beliau menjadi pakar dalam hal-hal kongsi gelap.

Selain daripada itu, beliau juga pernah memainkan peranan dalam menyelesaikan persengketan di antara kongsi-kongsi gelap yang tidak boleh diselesaikan oleh ketua-ketua kongsi gelap itu sendiri. Sejak beliau menjadi penasihat dan orang tengah, Pickering telah mendapat penghormatan daripada kongsi-kongsi gelap dengan dikatakan di pejabat Pickering terdapat lebih kurang 20 hingga 30 pasang lilin merah yang dihadiahkan oleh kongsi gelap. Pemberian lilin merah merupakan penghormatan yang tertinggi kepada Pickering.<sup>44</sup> Ini dengan jelas menunjukkan sumbangan beliau dalam hal-hal kongsi gelap Cina.

Pihak kerajaan kolonial juga amat mementingkan kebolehan pegawai yang bertugas di jabatan bawah pimpinan Pickering. Kebanyakan pegawai-pegawai yang dilantik adalah lepasan dari Universiti Cambridge dan Oxford; mahir dalam mengendalikan hal-hal komuniti Cina dan boleh bertutur dalam bahasa atau dialek Cina. Ini kerana mereka pernah dihantar ke China untuk mempelajari bahasa dan dialek Cina dan dilatih dalam perkhidmatan awam.<sup>45</sup> Kewujudan jabatan ini telah menyebabkan kerajaan boleh memberi perlindungan kepada masyarakat Cina dan mengelakkan mereka mencari perlindungan daripada kongsi-kongsi gelap.

Pada umumnya, masyarakat Cina menerima Pelindung Orang Cina sebagai pegawai kerajaan yang mengambil berat hal-hal komuniti Cina, mereka memberinya gelaran yang diberikan kepada pegawai kerajaan di China, iaitu Da Ren atau Tai Yin (大人) (dalam dialek Hokkian) dan Tai Yan (dalam dialek Kantonis). Komuniti Cina juga menganggap beliau sebagai ketua kampung atau pemimpin Cina dan bukan sebagai pegawai kerajaan. Mereka telah menyerahkan masalah pertelingkahan peribadi dan keluarga mereka kepada Pickering yang menunjukkan Pickering telah diberikan

kepercayaan oleh masyarakat Cina untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka dan peranan kongsi gelap semakin diambil alih oleh Pelindung Orang Cina.

Kejayaan dan pengaruh Pickering dalam komuniti Cina telah menyebabkan kedudukan kongsi-kongsi gelap Cina tergugat sehingga adanya percubaan untuk membunuh Pickering yang dipercayai diatur oleh kongsi gelap Cina.<sup>46</sup> Lima orang Cina dari kongsi gelap Ghee Hin yang bernama Koh Ah Pow, Lee Hong Kang, Lee Ah Hooi, Choa Ah Lee dan Lim Ah Seng ditahan kerana atas tuduhan cuba membunuh Pickering.<sup>47</sup>

Peranan Pelindung Orang Cina dan jabatannya adalah berbeza sebelum dan selepas abad ke-20M. Sebelum abad ke-20M, tanggungjawab mereka lebih tertumpu kepada masalah penghijrahan imigran Cina dan masalah kongsi gelap. Akan tetapi selepas 1890-an, tumpuan lebih diberikan kepada pendaftaran pertubuhan dan pengurus Chinese Advisory Board.<sup>48</sup> Pada abad ke-20M, mereka bertanggungjawab dalam penghijrahan buruh dan perlaksanaan peraturan buruh, membanteras persatuan-persatuan yang menentang kerajaan kolonial, mengawal pendidikan Cina serta mengharamkan penerbitan majalah Cina. Perubahan peranan ini telah membuktikan bahawa Pelindung Orang Cina lebih mementingkan kerajaan kolonial. Sumbangan beliau kepada masyarakat Cina sebenarnya adalah untuk mengawal perkembangan dan kemajuan komuniti Cina.<sup>49</sup>

Dasar-dasar yang dijalankan untuk menumpaskan kongsi-kongsi gelap yang diambil oleh kerajaan British sebenarnya tidak banyak mempengaruhi perjalanan aktiviti kongsi gelap kerana mereka masih beroperasi tanpa pengetahuan kerajaan. Akan tetapi kerajaan mempunyai kuasa dalam menyekat aktiviti kongsi gelap.<sup>50</sup> Operasi kerajaan ini telah menyebabkan ketua-ketua kongsi gelap merasa tidak puas hati dengan

kehilangan kedudukan dan pengaruh mereka yang sudah lama hidup dalam keadaan kaya-raya dengan menguruskan rumah perjudian dan pelacuran. Kekayaan ini digunakan untuk mengawal pendatang Cina yang baru tiba di Tanah Melayu demi mengukuhkan kedudukan mereka.<sup>51</sup>

Pengharaman ke atas kongsi-kongsi gelap Cina telah menyebabkan mereka kehilangan status dan pengaruh di kalangan masyarakat Cina. Mereka hanya mampu menjadi kumpulan yang bergerak di bawah tanah dengan terlibat dalam kegiatan jenayah, candu atau dadah, peras ugut dan pelacuran. Walaupun pemimpin kongsi gelap tidak lagi diiktiraf sebagai ketua komuniti, namun mereka masih memainkan peranan sebagai pemimpin dalam kegiatan bawah tanah. Ketua-ketua kongsi gelap juga selalu menjalinkan hubungan peribadi dengan pemimpin baru dalam komuniti, iaitu pemimpin dalam persatuan sukarela dan politik dengan menawarkan perlindungan untuk menjaga aktiviti ekonomi pemimpin ini. Perlindungan ini diberi dengan menyediakan beberapa ‘bodyguards’ atau pun menjadi rakan kongsi dalam perniagaan berkenaan.<sup>52</sup>

Namun demikian, penumpasan kongsi gelap yang berpengaruh telah menyebabkan bekas ahli-ahli kongsi gelap menjadi pengganas yang mengancam keselamatan dalam negeri. Mulai awal tahun 1920-an, kongsi-kongsi gelap Cina hanya menjadi sindiket yang meminta wang perlindungan dari kedai, pusat candu, pusat perjudian serta rumah-rumah pelacuran.<sup>53</sup>

---

### Nota Hujung

<sup>1</sup> “Memorendum on Bil. Incited an Ordinance to Amend the Law Relating Societies,” C.O. 273, 164/4096.

<sup>2</sup> Sidek Fadzil, **Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu**, Penerbit PAP, Kelantan, 1970, hlm. 44.

<sup>3</sup> “Memorendum on bil. incited an ordinance to amend the law relating societies,” C.O. 273, 164/4096.

<sup>4</sup> L.F.Comber, **Chinese Secret Societies**, J.J. Augustin Publisher, Singapura, 1969, hlm. 24.

<sup>5</sup> **Annual Report of the State of Sungai Ujong and Jelebu , 1893.**

<sup>6</sup> **Annual Report of Negeri Sembilan , 1895.**

<sup>7</sup> Annual Report of Negeri Sembilan , 1903.

<sup>8</sup> Annual Report of Negeri Sembilan , 1895.

<sup>9</sup> FMS, Negeri Sembilan, Administration Report 1903.

<sup>10</sup> Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1901.

<sup>11</sup> Kes jenayah yang berlaku di Jelebu adalah 394 kes, di Pantai (Coast) terdapat 379 kes, di Kuala Pilah sebanyak 1,194 kes dan Tampin hanya berlaku sebanyak 236 kes ( FMS, Negeri Sembilan Administration Report 1903 ).

<sup>12</sup> Negeri Sembilan Annual Report , 1910.

<sup>13</sup> FMS, Report of the Secretary for Chinese Affairs for the year 1914.

<sup>14</sup> Heng Pek Koon, Chinese Politics in Malaysia : A History of the Malaysian Chinese Association, Oxford University Press, Singapura, 1988, hlm. 17.

<sup>15</sup> Cheng Siok Hwa, "The Suppression of Secret Societies 1869-1890," dalam Peninjau Sejarah, Bilangan (Bil. 1 selepas ini) 1, 1933, hlm. 40.

<sup>16</sup> Ibid., hlm. 41.

<sup>17</sup> William Alexander Pickering lahir pada 9 Jun 1840 di Eastwood, Nottinghamshire, England. Beliau mula merantau sejak berusia 16 tahun dan pernah singgah di pelabuhan Burma, Tanah Melayu dan Siam. Sewaktu berusia 23 tahun, beliau telah mengikut kapal Liverpool ke China untuk membeli teh. Beliau telah mendapat pengalaman dalam mengendali hal-ehwal orang Cina setelah berada di Farmosa iaitu Taiwan. Beliau telah berkawan baik dengan puak Hakka Cina di situ dan mereka telah memberikannya nama Cina , 'Pi-Ko-Lien' (白麒麟 ) kepada beliau. Apabila beliau tiba di Singapura, beliau telah dianggap sebagai pengawal Eropah pertama yang boleh berbahasa empat dialek Cina ( R.N.Jakson, Pickering , Protector of Chinese , Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 1,2,7,9,dan 18 ).

<sup>18</sup> "Report of the Inspector General of Police on the working of Ordinance No: XIV of 1869, The Dangerous Societies Supression Ordinance," 24 September 1872, C.O. 273, 60/11459.

<sup>19</sup> Cheng Siok Hwa, "The Suppression of Secret Societies," hlm. 41.

<sup>20</sup> Pertubuhan Bendera Putih dan Merah merupakan organisasi rahsia Melayu yang paling awal di Tanah Melayu. Bendera Putih telah ditubuhkan 10 atau 12 tahun sebelum tercetusnya rusuhan Pulau Pinang 1855-1857) dan Bendera Merah ditubuhkan sekitar tahun 1859. Mahani Musa, "Malay Secret Societies In Penang 1830s-1920s," Malayan Branch of the Royal Asiatic Society ( JMBRAS selepas ini ), Bil. 72 (2 ), 1999 , hlm. 3.

<sup>21</sup> "Dangerous Societies Bill 1884," C.O.273, 128/13531.

<sup>22</sup> Sir Cecil Clementi Smith ialah Gabenor Negeri-negeri Selat dari tahun 1887 hingga 1893. Beliau pernah berkhidmat di Hong Kong sebagai Acting Colonial Secretary. Sebelum beliau tiba di Singapura pada tahun 1887 beliau juga pernah bertugas sebagai Lieutenant-Governor dan Colonial Secretary di Ceylon. L.F. Comber, Chinese Secret Societies in Malaya , hlm. 260.

<sup>23</sup> "Memorendum by Secret Societies Assosiation on the Societies Ordinance 1888," 28 Januari 1889.

<sup>24</sup> "Suppression of Dangerous Societies," 14 Mac 1890, C.O.273, 165/6901.

<sup>25</sup> "The Secret Societies Ordinance 1888," C.O.273, 153/14607.

<sup>26</sup> "Memorendum on Bil. Incited an Ordinance to Amend the Law Relating Societies," C.O. 273, 164/4096.

<sup>27</sup> Cheng Siok Hwa, "Suppression of Secret Societies," hlm. 49.

<sup>28</sup> "Society Enactment 1896," dalam Legal Report on Ordinance 1896-1900, Report for the Secretary of the State on the Negeri Sembilan Enactment II of 1896.

<sup>29</sup> " An Enactment to repeal and reenact with an amendment the law relating to the registration society and or the suppression of all society having objects in compatible with the peace a good order of the state," dalam Negeri Sembilan 1883-1902, Federated Malaya States, States of Negeri Sembilan, Enactment III of 1900.

<sup>30</sup> Negeri Sembilan Government Gazette, No. 22, Jilid ( Jil. selepas ini ) 9 , 29 Julai 1904 ; Negeri Sembilan Enactment 1899.

<sup>31</sup> "Delegation of power of Secretary Cinese Affairs Appaly Registrar of Societies," 11 September 1902, aripada Jabatan Police, Seremban kepada Residen Negeri Sembilan, NSSF , Police 3279/1902.

<sup>32</sup> Victor Purcell, The Chinese in Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 171.

<sup>33</sup> Report on the Police Force of the FMS 1899.

103

<sup>34</sup> Negeri Sembilan Government Gazette, No.28, Jil.9 , 23 September 1904 ; Negeri Sembilan Enactment 904.

<sup>35</sup> The Criminal Procedure Code , 1902.

<sup>36</sup> **The Penal Code, The Criminal Procedure Code, The Small offences Enactment with the Evidence Ordinance FMS**, Kuala Lumpur, 1906.

<sup>37</sup> "The Chinese Secret Societies Ordinance 1888," C.O. 273, 153/1469; Lin Yuen Hui (林遠輝) dan Zhang Ying Long (張應龍), **Sejarah Penghijrah Cina Singapura- Malaysia** (新加坡馬來西亞華僑史), Penerbitan Pendidikan Tinggi Kuang Dong (廣東高等教育出版), hlm. 220.

<sup>38</sup> Irene Lim, **The Secret Societies in Singapore**. National Heritage Board, Singapura, 1999, hlm. 24.

<sup>39</sup> Xie Shi Jian (謝詩堅), **Perubahan Sejarah Orang Cina di Malaysia** (大馬華人的歷史演變), Perkembangan dan Peralihan Sejarah Orang Cina (馬來西亞華人歷史發展的探索), Hua Zhi Resource and Research Centre Bhd., 1988, hlm. 4.

<sup>40</sup> Irene Lim, **The Chinese Secret Societies in Singapore**, hlm. 24.

<sup>41</sup> Pickering boleh bertutur dalam dialek Hakka, Kantonis, Hokkian, Teo-Chiew dan lain-lain lagi (Lim Yuen Hui (林遠輝) dan Zhang Ying Long (張應龍), **Sejarah Penghijrah Cina** (新加坡-馬來西亞華僑史), Chu Jie Qin (朱杰勤) (ed.), Siri Buku Sejarah penghijrahCina di Asia Tenggara(東南亞華僑史), Pendidikan Tinggi Guang Dong Chu Ban, (廣東高等教育出版), 1991, hlm. 220).

<sup>42</sup> Ibid., hlm. 220.

<sup>43</sup> Victor Purcell, **The Chinese in Southeast Asia**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 274.

<sup>44</sup> Li Yi Zhi (李亦志), "Kongsi Gelap Singapura, (新加坡私會黨組織)" **Journal of Southeast Asian Research (JSAR)** selepas ini Bil. 6, hlm. 91-92 dan 225-226.

<sup>45</sup> "Chinese Secret Societies," 20 June 1888," C.O. 273, 153/14601 dan LinYuen Hui dan Zhang Ying Long, **Sejarah Penghijrah Cina**, hlm. 220.

<sup>46</sup> "Attempt to murder Mr.Pickering," 2 Jun 1888, C.O. 273, 153/13810.

<sup>47</sup> "Report of the commutise and murder of Mr. Pickering," 17 Oktober 1887, C.O. 273, 148/23225.

<sup>48</sup> *Chinese Advisory Board* dipengerusi oleh Pelindung Orang Cina dan ahli-ahlinya terdiri daripada ketua-ketua kongsi gelap. Dengan penubuhan *Chinese Advisory Board*, ahli kongsi gelap telah menjadi pegawai kerajaan khasnya setelah pengharaman kongsi gelap. Lin Yuen Hui dan Zhang Ying Long, **Sejarah Penghijrah Cina**, hlm. 232.

<sup>49</sup> Ibid., hlm. 236.

<sup>50</sup> Victor Purcell, **The Chinese in Malaya**, hlm. 172.

<sup>51</sup> "Chinese Secret Societies," 20 Jun 1888, C.O. 273, 153/14607.

<sup>52</sup> Heng Pek Koon, **Chinese Politics in Malaysia**, hlm. 18.

<sup>53</sup> Cheng Siok Hwa, "The Suppression of Secret Societies," hlm. 50.